



(/)

Dapatkan edisi BH Digital.

Hanya RM30 sebulan.

LANGGANI SEKARANG ([HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST_PRODUCTS.JSP?TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA](http://digital.nstp.com.my/nst/includes/shop/list_products.jsp?testata=berberita&id=berberita))

[UTAMA \(/\)](#) [SEMASA \(/SEMASA\)](#) [POLITIK \(/POLITIK\)](#) [SUKAN \(/SUKAN\)](#) [DUNIA \(/DUNIA\)](#) [BISNES \(/BISNES\)](#) [JENAYAH \(/JENAYAH\)](#)

[KOLUMNIS \(/KOLUMNIS\)](#) [BERITA \(/BERITA\)](#) [SIKAP \(/SIKAP\)](#) [HUBUNGAN \(/HUBUNGAN\)](#) [FOTO \(/FOTO\)](#) [VIDEO \(/VIDEO\)](#)

BISNES

SELASA, 9 SEPTEMBER 2014 @ 7:16 PM

EkuiNAS yakin capai sasaran pelaburan RM500-RM600 juta 2014 (/node/5309)

Oleh Mahanum Abdul Aziz

Tweet 2

Like Share 0

+1 0

mahanum_aziz@bh.com.my (mailto:mahanum_aziz@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Ekuiti Nasional Bhd (EkuiNAS) berada pada landasan kukuh untuk mencapai sasaran pelaburannya antara RM500 juta hingga RM600 juta tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh pada separuh pertama tahun ini menyokong kepada kemajuan dari segi jumlah urus niaga yang dicatatkannya tahun ini berbanding tahun lalu.

Peningkatan kesedaran terhadap ekuiti persendirian sebagai opsyen untuk meraih modal bagi mengembangkan perniagaan dalam kalangan syarikat di negara ini juga turut menyumbang kepada usaha mencapai sasaran pelaburan itu.

[Bila anda akan berkahwin](#)

Periksa horoskop kekasih dengan sangat tepat. Semak sekarang



Tahun ini, EkuiNAS sudah melabur kira-kira RM400 juta dengan mengambilalih Orkim Sdn Bhd dan CoolBlog Sdn Bhd baru-baru ini.

"Urus niaga dalam rancangan bagi 2014 adalah lebih baik berbanding tahun lalu. Justeru, kami berharap kadar pelaburan sasaran antara RM500 juta dan RM600 juta bagi tahun ini akan dapat dicapai," katanya ditemui selepas pembukaan rasmi Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014 di sini hari ini.

Yang hadir sama, Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Samsudin Osman dan Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Mengenai rancangan pengambilalihan selanjutnya, Abdul Rahman berkata, pihaknya akan menimbang tawaran menarik yang memenuhi kriteria dan peraturan Ekuinas serta menawarkan potensi pulangan lumayan dan pertumbuhan kukuh.

Tumpuan pelaburan Ekuinas adalah dalam syarikat tempatan yang kukuh, berdaya maju dan berpotensi berkembang.

Katanya, tempoh pelaburan yang sesuai bagi Ekuinas dalam mewujudkan nilai dan meraih pulangan jangka panjang yang baik dalam sesebuah syarikat ialah antara tiga hingga lima tahun.

"Tempoh ini (tiga hingga lima tahun) adalah mencukupi untuk kami mewujudkan nilai dan mengembangkan syarikat yang dibeli ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Ekuinas adalah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Sejak ditubuhkan, Ekuinas sudah menerima dana RM2.4 bilion daripada kerajaan dan membuat 30 pelaburan bernilai hampir RM2.3 bilion.

Ekuinas melabur dalam syarikat tempatan berpotensi tinggi yang terbabit dalam bidang barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.



Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad. - Foto Farizul Hafiz Awang

DISYORKAN



New Zealand mungkin buang lambang 'Union Jack' pada bendera



Saya tidak kuat lalui ujian besar ini - Linda Rafar

(<http://www.bharian.com.my/node/7208>)
(<http://www.bharian.com.my/node/7659>)



Osama Yamani mahu

DISYORKAN

Jamal Abdillah berangkat ke Tanah Suci tunai ibadat haji
 (<http://www.bharian.com.my/node/8136>)
 Maruah anak dan saya bukan di bawah tapak kakinya - Rita Rudaini
 (<http://www.bharian.com.my/node/2665>)
 Sentap dan merajuk manja itu biasa - Siti Nurhaliza
 (<http://www.bharian.com.my/node/1848>)
 Shaheizy Sam kena denggi, masuk hospital pada hari jadi
 (<http://www.bharian.com.my/node/4658>)
 Soo Wincci masih belum ada kekasih
 (<http://www.bharian.com.my/node/4458>)

Barcelona menang besar; Suarez buat kemunculan pertama



Jumlah Keseluruhan Kes Denggi
69038

DARI SELURUH LAMAN WEB

12 Nasi Lemaks To Die For In KL And PJ
 (<http://www.hungrygowhere.my/food-guide/best-of-malaysia/ultimate-nasi-lemak-crisis-and-delight/>)
 Mouth-Crisis-and-Delight of Mumford & Sons
 (<http://www.hungrygowhere.com/articles/meet-the-top-10-most-legendary-squads-at-the-2014-fifa-world-cup>)
 Top 10 Most Eligible Squads At The 2014 FIFA World Cup
 (<http://www.imoney.my/articles/top-10-most-eligible-squads-at-the-2014-fifa-world-cup/>)
 Massive Squid Boggles
 (<http://www.manero.com/roundup/seminal-reggaeton/>) (Manero)
 The Duplicator duplicates
 (<http://oferei.com/2013/07/the-duplicator-duplicates/>) (Spiraling into control)
 Do-It-Yourself Flower Crown For a Summer Music Festival
 (<http://www.thebouqs.com/blog/do-it-yourself-flower-crown-for-a-summer-music-festival/>) (The Bouqs Company)



(<http://www.abpbh.com.my>)



(<http://www2.bharian.com.my/bharian/komanwel>)



(<http://www2.bharian.com.my/pialadunia>)



(<http://www.nib.com.my>)

